MAT lwn. PENDAKWA RAYA*

[Rayuan Jenayah (Suffian H.) April 21, 1963]
[Alor Setar — Rayuan Jenayah, Bil. 13 Tahun 1963]

Keterangan Jenayah — Beban pembuktian — Maksudnya — Penerangan oleh tertuduh — Bila tertuduh berhak mendapatkan pembebasan.

Si perayu dalam kes ini telah dituduh dengan kesalahan mencuri dan dengan pilihan lain menyimpan secara curang harta curi. Dia telah memberi keterangan dan memanggil saksi untuk pembelaannya. Akhirnya dia dithabitkan kerana "pada keseluruhannya" Majistret yang arif telah "tidak boleh percaya akan pembelaan."

Diputuskan: Majistret yang arif telah salaharah dirinya secara teruknya mengenai maksud beban pembuktian oleh tertuduh dalam kes-kes di mana tertuduh perlu mematahkan kes pendakwa terhadapnya.

Sekiranya mahkamah terima penerangan yang diberi oleh atau bagi pihak tertuduh, dia mesti dibebaskan. Tetapi ini tidak memberi hak kepada mahkamah menthabitkan sekiranya ia tidak percaya akan penerangan itu, kerana tertuduh masih berhak kepada pembebasan sekiranya penerangan menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kesalahan, kerana beban membuktikan kesalahan selalunya terletak di atas pendakwa. Sekiranya berdasarkan semua keterangan mahkamah masih dalam keadaan ragu-ragu, pendakwa telah gagal memuaskan beban pembuktian yang terletak di atasnya.

RAYUAN JENAYAH MAJISTRET.

G.N. Christie untuk si perayu.

Hamzah bin Dato' Abu Samah (Timbalan Pendakwa Raya) untuk menentang rayuan.

Suffian H.: Rayuan ini dibenarkan hanya atas satu alasan. Si perayu, yang telah dituduh dengan kesalahan mencuri dua ekor ayam dan dengan pilihan-lain menyimpan secara curang harta curi iaitu seekor ayam, telah memberi keterangan dan memanggil saksi-saksi untuk pembelaannya. Akhirnya, dia dithabitkan kerana mengikut Majistret yang arif "pada keseluruhannya saya tidak boleh percaya akan pembelaan". Saya setuju dengan Encik Christie, peguam bagi si perayu, yang Majistret yang arif telah salaharah dirinya secara teruknya mengenai maksud beban pembuktian oleh tertuduh dalam kes-kes di mana dia perlu mematahkan kes pendakwa terhadapnya.

Undang-undang sebenarnya yang para Majistret perlu pakai adalah seperti berikut. Sekiranya mereka terima penerangan yang diberi oleh atau bagi pihak tertuduh, mereka mesti membebaskannya. Tetapi ini tidak memberi hak kepada mereka menthabitkan sekiranya mereka tidak percaya dengan penerangan itu, kerana tertuduh masih lagi berhak kepada suatu pembebasan sekiranya penerangan itu menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kesalahan tertuduh, kerana beban membuktikan kesalahannya selalunya terletak di atas pendakwa. Sekiranya berdasarkan semua keterangan mereka benar-benar dalam keadaan keraguan, pendakwa telah gagal memuaskan beban pembuktian yang terletak di atasnya.

Kedudukannya boleh dinyatakan dengan mudahnya seperti berikut: —

(a)	Sekiranya mereka berpuashati sehingga tiada keraguan yang munasabah mengenai kesalahan tertuduh ...	Thabitkan.
(b)	Sekiranya mereka terima atau percaya akan penerangan tertuduh ...	Bebaskan.
(c)	Sekiranya mereka tidak terima atau tidak percaya akan penerangan tertuduh ...	Jangan thabitkan tetapi beri pertimbangan kepada langkah-langkah berikut.
(d)	Sekiranya mereka tidak terima atau tidak percaya akan penerangan tertuduh dan penerangan itu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kesalahannya ...	Thabitkan.
(e)	Sekiranya mereka tidak terima atau tidak percaya akan penerangan tertuduh tetapi namun demikian ianya menimbulkan keraguan yang munasabah mengenai kesalahannya ...	Bebaskan.

Para Majistret akan membantu mahkamah rayuan sekiranya dalam alasan-alasan keputusan mereka, mereka membuktikan bahawa mereka sedar mengenai ujian-ujian yang disebutkan dalam langkah (d) dan (e) di atas.

Rayuan dibenarkan.

* Dialihbahasa dari [1963] M.L.J. 263 oleh Puan Mimi Kamariah LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.